



Untuk Terbitan Media

30 Mei 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **BULAN PEMUTIHAN DILANJUTKAN SEHINGGA 30 JUN**

### **ALERT: MAJIKAN DISARAN SEGERA MENDAFTAR PEKERJA ELAK TINDAKAN DIAMBIL**

**KUALA LUMPUR** – Tempoh pendaftaran dan caruman pekerja oleh majikan sempena Bulan Pemutihan dilanjutkan sehingga 30 Jun ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengumumkan pelanjutan selama 30 hari ini dilaksanakan berikutan sambutan yang amat menggalakkan daripada majikan serta peningkatan drastik terhadap jumlah pendaftaran dan caruman ketika pelaksanaan Bulan Pemutihan.

“Bagi tempoh dari 15 Mei iaitu pelancaran Bulan Pemutihan sehingga 29 Mei lalu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merekodkan lonjakan pendaftaran majikan baharu sebanyak 31.8 peratus atau 7,370 majikan, berbanding tempoh sama pada bulan sebelumnya.

“Bagi pendaftaran pekerja baharu meliputi warga tempatan dan asing pula, peningkatan 34.1 peratus direkodkan meliputi 126,041 pekerja baharu yang berdaftar untuk tempoh sama,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran serta memastikan lebih banyak majikan mendaftar dan mencarum, Steven Sim berkata, PERKESO melaksanakan pelbagai inisiatif seperti hebahan melalui media sosial, media konvensional, media elektronik, hebahan menerusi e-mel kepada majikan berpotensi dan pelbagai lagi.

Selain itu, katanya, PERKESO melipatgandakan usaha dengan memberi kesedaran menerusi edaran risalah semasa lawatan ke premis majikan khusus untuk Bulan Pemutihan dengan 11,035 premis majikan dilawati untuk tahun ini berbanding 9,925 pada tahun sebelumnya bagi memastikan kecaknaan dalam melindungi pekerja.

“Justeru, inisiatif pelanjutan Bulan Pemutihan dilihat wajar bagi memberi tempoh yang lebih panjang kepada majikan untuk mendaftar pekerja mereka bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk **MENGELAKKAN** majikan dikenakan kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) selepas tempoh ini tamat,” jelasnya.

Steven Sim turut menggesa semua majikan agar lebih prihatin serta cakna akan kebajikan dan kesejahteraan pekerja berikutan pekerja adalah aset negara yang sewajarnya mendapat manfaat perlindungan yang sewajarnya.

“Majikan boleh mendaftar menerusi dalam talian melalui Portal ASSIST atau hadir ke mana-mana 54 pejabat PERKESO di seluruh negara, ataupun hubungi *Careline* PERKESO di 1-300-22-8000.

“Mereka yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan kompaun dan pendakwaan, dengan jumlah kompaun yang dikenakan boleh mencecah RM5,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan.

“Majikan juga akan dikenakan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar (6) peratus setahun di atas setiap hari caruman lewat dibayar, ekoran kegagalan mendaftar dan membayar caruman PERKESO, selain boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali,” ujarinya lagi.

Tamat

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one

*left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**30 Mei 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**